



MINISTRY OF INTERNATIONAL TRADE AND INDUSTRY

STANDARDS
MALAYSIA

UCAPAN PERASMIAN

**KETUA PENGARAH
JABATAN STANDARD MALAYSIA**

**SEMINAR ESCAPE MS ISO 39001 - ROAD TRAFFIC
SAFETY MANAGEMENT SYSTEMS (RTSMS)**

3 SEPTEMBER 2020

HOTEL MARRIOT, PUTRAJAYA

Terima kasih pengacara majlis.

Bismillahirrahmanirrahim,

**Yang Berusaha Ir. Dr. Muhammad Marizwan Abdul
Manan**

**Pengarah Pusat Penyelidikan Kejuruteraan
Keselamatan Jalan Raya dan Persekitaran
Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya
Malaysia (MIROS)**

**Yang Berusaha Encik John Riba Marin
Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi)
Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)**

**Para penceramah serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan
yang saya hormati sekalian.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam hormat dan salam sejahtera**

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengalu-alukan kehadiran semua yang hadir pada pagi ini ke Seminar ESCAPE *Road Traffic Safety Management Systems* (RTSMS), yang merupakan program ESCAPE yang pertama dianjurkan. Saya ingin mengambil peluang ini merakamkan jutaan terima kasih kepada PERKESO dan MIROS kerana telah menjadi rakan strategik pertama dalam program ESCAPE ini. Saya berasa sangat bertuah dapat bersama-sama dengan Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang ada pada hari ini untuk menandakan bermulanya program ESCAPE secara simboliknya.

2. Sukacitanya saya ingin memaklumkan, *Standards Compliance Stewardship Programme for Enterprises* atau ESCAPE dibangunkan oleh Jabatan ini untuk memperkasakan industri terutamanya

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) ke arah peningkatan kualiti produk dan perkhidmatan melalui bimbingan latihan teknikal dan khidmat nasihat pakar. Untuk makluman Tuan-Tuan dan Puan-Puan, ESCAPE merupakan program yang dijenamakan semula daripada nama asalnya iaitu *National Standards Compliance Programme* (NSCP) di mana pertama kali ia dilancarkan pada 4 Jun 2014 oleh mantan YAB Perdana Menteri. Pada waktu tersebut, NSCP lebih memberikan penekanan bagi membantu industri mematuhi standard-standard popular seperti *Quality Management System, Environmental Management Systems*, Halal dan sebagainya.

3. Penjenamaan semula kepada ESCAPE adalah lebih komprehensif dengan penambahbaikan beberapa elemen program ini untuk memastikan industri terus

berdaya saing untuk memasarkan produk yang diakui dan disahkan berkualiti dan selamat.

4. Dengan slogan '*from awareness to compliance*', ESCAPE kini tidak hanya sekadar menumpukan kepada usaha membantu industri untuk mematuhi standard-standard popular seperti yang saya sebutkan tadi. ESCAPE akan memberikan tumpuan untuk menyediakan industri yang mampan, ketersediaan untuk kebolehpasaran domestik dan global, memenuhi kehendak ekonomi semasa serta mengamalkan sistem pengurusan yang cekap, berintegriti dan selamat.

5. Sebagai permulaan pada tahun 2020, ESCAPE memberi tumpuan untuk membantu pemain industri untuk mematuhi dua standard iaitu MS ISO 39001 dan

ISO 22301 iaitu *Business Continuity Management Systems* (BCMS).

6. Seminar RTSMS pada hari ini merupakan hasil kerjasama antara Jabatan Standard Malaysia, Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

7. Saya difahamkan lebih 90 peserta hadir pada hari ini, terdiri daripada pelbagai agensi Kerajaan dan pemain industri yang ingin mengetahui dengan lebih lanjut mengenai standard MS ISO 39001 iaitu *Road Traffic Safety Management Systems* (RTSMS) yang telah dibangunkan pada tahun 2013 dan diadaptasikan sepenuhnya daripada standard antarabangsa ISO. Kehadiran peserta yang ramai ini, jelas menunjukkan

bahawa semakin banyak industri sedar akan kelebihan pematuhan kepada standard MS ISO 39001 yang membantu menyediakan organisasi dalam merancang dan mengamalkan sistem keselamatan lalu lintas jalan raya bagi mengurangkan kematian dan kecederaan serius yang berkaitan dengan kemalangan jalan raya.

Tuan / Puan yang saya hormati sekalian,

8. Jabatan Standard Malaysia merupakan Jabatan Kerajaan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Fungsi utama kami adalah membangunkan serta mempromosikan penggunaan Malaysian Standard (MS) dan memberikan perkhidmatan akreditasi di mana badan penilaian pematuhan iaitu badan-badan pensijilan, makmal-makmal pengujian dan badan-badan

pemeriksa diakredit serta diiktiraf mempunyai kompetensi dalam memberi perkhidmatan mereka. Sehingga kini, terdapat sebanyak 4,997 Malaysian Standard telah dibangunkan oleh Jabatan Standard Malaysia termasuklah MS ISO 39001 dan sebanyak lebih 800 badan penilaian pematuhan telah mendapat akreditasi daripada kami. Untuk makluman, program akreditasi untuk RTSMS dijangka akan dilancarkan pada tahun hadapan di mana ia akan memberi nilai tambah dan meningkatkan kredibiliti badan-badan pensijilan yang menjalankan pensijilan RTSMS bagi mendapatkan status akreditasi terhadap program pensijilan mereka.

Tuan/ Puan yang saya hormati sekalian,

9. Berdasarkan statistik jumlah kes kemalangan jalan raya di Malaysia mengalami peningkatan setiap tahun. Oleh yang demikian, pematuhan kepada standard MS ISO 39001 melalui pensijilan di kalangan industri amatlah bertepatan untuk dilaksanakan segera bagi mencapai matlamat Kerajaan memastikan kes kemalangan jalan raya setiap tahun dapat dikawal dan dikurangkan.

10. Standard MS ISO 39001 adalah bersifat holistik dalam memastikan faktor prestasi keselamatan jalan raya diambil kira sepenuhnya. Pengenalan mengenai standard MS ISO 39001 ini akan diterangkan lebih lanjut oleh para penceramah jemputan pada hari ini termasuklah dua wakil industri yang akan berkongsi

pengalaman mereka dalam mematuhi standard MS ISO 39001 serta impak kepada syarikat selepas pematuhan tersebut. Oleh itu, saya amat berharap agar Tuan-Tuan dan Puan-Puan dapat terus bersama-sama dengan kami sehingga tamat seminar pada petang ini. Sesi forum pada hujung seminar nanti, akan memberi peluang kepada Tuan-Tuan dan Puan-Puan mengajukan soalan kepada para penceramah untuk berbincang dan bertukar pendapat mengenai isu-isu berkaitan keselamatan jalan raya di Negara kita.

11. Akhir sekali, saya berharap agar Tuan-Tuan dan Puan-Puan dapat memanfaatkan sepenuhnya program pada hari ini. Sesungguhnya kehadiran dan komitmen Tuan-Tuan dan Puan-Puan sepanjang sesi seminar ini akan dapat membantu organisasi Tuan-Tuan dan

Puan-Puan dalam mengamalkan sistem pengurusan keselamatan jalan raya yang cekap dan selamat.

12. Dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan ini merasmikan Seminar ESCAPE MS ISO 39001 - *Road Traffic Safety Management Systems* (RTSMS).

Sekian, terima kasih.